



PERUTUSAN KHAS
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA
10 ZULHIJAH 1442 HIJRAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia.

Apa khabar semua? Saya harap orang Melaka semuanya sihat walafiat.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, seluruh umat Islam di Negeri Melaka khususnya dan Malaysia amnya akan menyambut Hari Raya Aidiladha esok yakni 20 Julai 2021 bersamaan 10 Zulhijjah 1442 Hijriyyah.

Saudara dan saudari,

Aidiladha adalah hari kebesaran Islam yang disambut oleh umat Islam di seluruh dunia dengan penuh keinsafan dan pengertian yang besar. Kisah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan anakanda Baginda, Nabi Ismail Alaihissalam menjadi iktibar yang perlu sentiasa dihayati oleh seluruh umat Islam dalam kita menghadapi cabaran kehidupan seharian.

Sejak **18 Mac 2020** yang lalu, kini telah hampir **1 tahun 4 bulan** kita hidup dalam keadaan norma baharu ekoran pandemik COVID-19, Saya tahu, sebilangan rakyat Melaka sekarang ini sedang dihimpit kesusahan hidup akibat hilang sumber pendapatan dek kerana sektor ekonomi tidak dapat beroperasi seperti sediakala.

Sebab itu, Kerajaan Negeri Melaka telah berusaha menyediakan bantuan **Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: Sejahtera Bersama**, dalam usaha membantu rakyat Melaka berdepan pandemik COVID-19, selain memulihkan ekonomi negeri.

Saya amat memahami akan kesukaran dan cabaran yang dihadapi oleh saudara dan saudari sepanjang berdepan dengan pandemik ini.

Pada Hari Raya Aidiladha kali ini juga, kita masih tidak dapat berkumpul dan berjumpa sanak saudara dan rakan taulan untuk menyambut perayaan ini seperti kelazimannya. Kita perlu akur dengan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 yang masih berkuat kuasa ketika ini bagi mengekang peningkatan kes COVID-19 ini.

Saudara dan saudari,

Bersempena dengan Hari Raya Aidiladha ini, saya menyeru kepada saudara dan saudari, untuk melaksanakan ibadah korban ini dengan penuh penghayatan di samping mematuhi SOP yang ditetapkan.

Suka saya memaklumkan bahawa di Melaka, pelaksanaan Solat Sunat Aidiladha dibenarkan dengan kapasiti **500 orang** di masjid bawah pentadbiran JAIM, **100 orang** bagi masjid kariah dan masing-masing seramai **50 orang** di surau Jumaat dan surau yang diberikan kebenaran khas Aidiladha.

Pelaksanaan ibadah korban dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah dibenarkan kecuali kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan hanya boleh dilaksanakan di rumah sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmantan Veterinar (DVS) atau tempat sembelihan sementara yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta Pihak Berkuasa Agama Negeri Melaka.

Tempoh penyembelihan juga terhad sehingga jam 6 petang sahaja selain hanya **25 orang** petugas yang dilantik untuk melaksanakan proses penyembelihan dibenarkan hadir pada satu-satu masa. Mereka mesti mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara petugas.

Saya sebutkan SOP ini secara agak terperinci sebagai peringatan supaya sepanjang sambutan Aidiladha esok dan pada hari-hari tasyrik, keadaan terkawal dan teratur.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

Di kesempatan ini, saya dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Utama Hajah Munira serta seisi keluarga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh umat Islam di mana jua berada. Raikanlah Aidiladha secara bersederhana sebagaimana tuntutan syariat dan hayatilah erti pengorbanan di sebalik Aidiladha pada kali ini. Tanpa mengenal erti putus asa, marilah kita bersama-sama memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga wabak COVID-19 segera berakhir.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.